

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor

YBhg Dato',

SOKONGAN PELANJUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI PELAJAR
- NOR SURAYYA BINTI ABDUL SAMAD (P102335)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar di atas merupakan pelajar sepenuh masa yang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

3. Beliau merupakan pelajar di bawah seliaan saya untuk menjalankan kajian bertajuk "Kesan Perbezaan Peraturan Langkah-langkah Bukan Tarif (NTMs) ke atas Sektor Agromakanan di Malaysia". Di antara objektif kajian beliau adalah untuk mengenalpasti perbezaan peraturan NTMs di antara negara-negara dan impaknya kepada produktiviti Malaysia selaku pengeksport.

4. Kemajuan penyelidikan pelajar saya secara keseluruhan adalah baik dan pelajar juga menunjukkan kesungguhan untuk menyiapkan kajian. Namun, beliau memerlukan tempoh masa lanjutan selama enam (6) bulan lagi disebabkan perkara-perkara di bawah:

- Jadual pengajian yang terjejas akibat Covid 19. Lanjutan daripada PKP yang dilaksanakan bermula pada tahun 2020, proses pemerolehan dan pengumpulan data adalah terhad dan berlaku kekangan dari segi pergerakan dan komunikasi, dan ini menyebabkan kelewatan bagi beliau untuk memulakan penulisan tesis bagi memenuhi keperluan pengajian.
- Peraturan SOP di universiti yang menghadkan pergerakan pelajar di kampus turut mengekang akses beliau kepada kemudahan makmal komputer dan capaian perpustakaan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM.
- Disamping itu, penganalisan data kajian turut mengambil masa disebabkan skop kajian beliau yang merangkumi 20 tahun dan melibatkan negara-negara pengimport serta beberapa analisa secara kritikal dan empirikal perlu dibuat seperti pengiraan produktiviti dan perbezaan peraturan NTMs bagi melengkapkan kajian secara keseluruhan.

5. Sehubungan itu, saya bersetuju dan menyokong permohonan beliau untuk melanjutkan tempoh cuti belajar bagi meneruskan penyelidikan dan seterusnya menyiapkan kajian beliau. Saya berharap agar pihak MPC membenarkan pelanjutan tempoh pengajian beliau selama enam (6) bulan lagi. Kerjasama YBhg. Dato' amat saya hargai.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. TAMAT SARMI

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my